

D.R. 18/93

**Naskah Sahih—Bahasa Inggeris**

## RANGUNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan 1966.

[ ]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan (Pindaan) 1993.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam Warta.

2. Seksyen 17 Akta Pertubuhan 1966, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan subperenggan (1) (b) (ii) dengan yang berikut:

Penggantian subperenggan 17(1) (b) (ii). Akta 335.

"(ii) dalam segala hal lain, kepada anggota-anggota pertubuhan mengikut kaedah-kaedah pertubuhan itu, atau jika tidak ada kaedah-kaedah sedemikian, maka Pegawai Pemegang Harta atau mana-mana pegawai lain hendaklah menyediakan suatu skim bagi penggunaan aset yang lebih itu untuk kelulusan Mahkamah Tinggi;".

Pemotongan  
subseksyen  
17B (4).

3. Subseksyen 17B (4) kepada Akta ibu adalah dipotong.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Pertubuhan 1966.

2. *Fasal 1* memperuntukkan perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan memudahkan Pegawai Pemegang Harta menyediakan skim bagi penggunaan aset yang berlebihan.
4. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan memudahkan pemindahan aset dan **liabiliti** pertubuhan yang pendaftarannya dibatalkan kepada pertubuhan yang baru.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan [PN. (U2) 1771.].